



ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
i	Borang Penyertaan	ii-iii
ii	Latar Belakang Pasukan	iv
iii	Latar Belakang Projek	v
iv	Ringkasan eksekutif	vi
1.0	Signifikan Projek dan Pembuktian	
	1.1 -Kaitan dengan fungsi utama dengan Jabatan	1
	1.2 -Memenuhi kehendak pelanggan dan stakeholder	2
	1.3 -Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional	2
	1.4 -Kaitan dengan keadaan ekosistem semasa	3
	1.5 -Kaedah Pemilihan projek dan analisis	3
	1.6 - Sasaran	4
2.0	Tindakan Penyelesaian	
	2.1 -Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan 'Tools'	4 - 6
	2.2 -Penghasilan dan pengujian prototaip	6 - 8
	2.3 -Pelaksanaan Inovasi	8
	2.4 -Perakuan daripada pihak bertaualiah / pihak berkuasa	8
3.0	Keberhasilan Projek	
	3.1 -Outcome Projek	9 - 13
	3.2 Impak Projek dan Pembuktian	
	3.2.1 -Penilaian Impak dan pembuktian	13
	3.2.2 -Faedah sampingan (luar jangka)	14
4.0	Potensi Pengembangan Inovasi	
	4.1 -Tahap ketersediaan proses	15
	4.2 - Tahap replikasi atau pengkomersialan	15
5.0	Penghargaan	16 – 17
6.0	Rujukan	18



i. BORANG PENYERTAAN

No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)



BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022

LATAR BELAKANG PASUKAN	
Nama Pasukan	N-FORCE
Nama Organisasi	1) JABATAN PENGUATKUASA, M.P. KLANG 2) JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT ANDALAS
Alamat	MAJLIS PERBANDARAN KLANG, BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH, JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG BANDAR DIRAJA
No Telefon & Faks	TEL : 03-3375 5555 FAKS : 03-3372 0344
E – Mel	www.mpklang.gov.my
Tarikh kumpulan ditubuhkan	12 Februari 2020 Hibrid 01 Mac 2021
Bilangan ahli	05 ORANG
Nama Ketua Kumpulan	Suzana binti Ibrahim
Nama Ahli	1. PBT Ahmad Fauzi bin Kadri (BOMBA) 2. PBK II (KUP) Muhamad bin Mustapha (BOMBA) 3. PPk 17 Hakim bin Md Ardani 4. U 588 Muhammad Taqiuddin bin Harun
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	-TIADA-
Nama projek	KESUKARAN MEMADAM KEBAKARAN TANAH GAMBUT
Bidang inovasi	INOVASI SOSIAL
Kategori inovasi	PENAMBAHBAIKAN
Tarikh mula projek	12 FEBRUARI 2020
Tarikh siap projek	01 JUN 2021



PENGESAHAN KETUA JABATAN

Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :

i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada.....

ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada **14 MAC 2022**

Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi

Cop Jabatan / Agensi

.....

Tarikh :.....

PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)

Pengesahan Panel :

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada..... dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tandatangan Panel Penilai

.....

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Jawatan/Gred:

Jabatan/Agensi:

No.Siri:

Tarikh:



ii. LATAR BELAKANG PASUKAN


- 1.1 Nama Pasukan : **N-Force**
- 1.2 Nama Jabatan : A) Jabatan Penguatkuasa
B) Jabatan Bomba Dan Penyelamat
- 1.3 Nama Organisasi : A) Majlis Perbandaran Klang.
B) Jabatan Bomba Dan Penyelamat,
Seri Andalas, Klang.
- 1.4 Alamat : MAJLIS PERBANDARAN KLANG,
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH,
JALAN PERBANDARAN,
41675 KLANG BANDAR DIRAJA
- 1.5 No. Telefon dan Faks : 03-3375 5555 FAKS : 03-3372 0344
- 1.6 E-mel : **www.mpklang.gov.my**
- 1.7 Tarikh Kumpulan Ditubuhkan : 12 Februari 2020
01 Mac 2021 (Hibrid)
- 1.8 Bilangan Ahli : 5 orang
(surat lantikan ahli - **Lampiran 1**)
- 1.9 Komitmen Ahli : Pasukan N-Force telah mengadakan
Perjumpaan sebulan sekali untuk sesi
perbincangan. (**Lampiran 2**)
- 1.10 Perancangan Kumpulan : Pasukan N-Force telah memulakan
projek ini pada awal tahun 2020 dengan
membuat penilaian mengenai
kepentingan projek dan mengumpul
data bagi tujuan pengukuhan projek.
- 1.11 Sokongan dan kelulusan
pihak pengurusan tertinggi : Pasukan N-Force juga telah
mendapatkan sokongan dan kelulusan
dari pihak pengurusan tertinggi.

1.12 LOGO PASUKAN



iii. LATAR BELAKANG PROJEK

- 2.1 Nama Projek : **Kesukaran Memadam Kebakaran Tanah Gambut**
- 2.2 Nama Produk : **‘Pro- Nozel’**
- 2.3 Kategori Projek : **INOVASI SOSIAL (PENAMBAHBAIKAN)** (Gabungan Jabatan Penguatkuasa M.P.Klang bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat, Andalas)
- 2.4 Keterangan Projek : Kebakaran tanah gambut adalah nyalaan yang merebak di bawah permukaan **tanah yang berongga**. (**Lampiran 3**)
Bagi mengatasi masalah kesukaran memadam kebakaran di bawah permukaan tanah secara lebih berkesan, kaedah **membenamkan nozel terus ke punca api diperkenalkan**.
- 2.5 Penyataan Masalah : Kesukaran memadam kebakaran tanah gambut.
- 2.6 Justifikasi Masalah : Pemadaman kebakaran tanah gambut memerlukan jumlah anggota yang ramai dan memerlukan tenaga yang banyak. Operasi memadam kebakaran tanah gambut dengan kaedah **“Total Flooding”** memakan masa yang agak panjang bergantung pada keluasan kawasan yang terbakar. Ini adalah kerana peralatan dan kaedah yang sedia ada kurang sesuai untuk memadam kebakaran tanah gambut. (**Lampiran 4**)
- 2.7 Bidang Inovasi : **INOVASI SOSIAL**
- 2.8 Kategori Inovasi : **PENAMBAHBAIKAN**



Gambar Lakaran ‘Pro Nozel’



iv. RINGKASAN EKSEKUTIF

Pasukan N-Force merupakan sebuah pasukan Inovatif Dan Kreatif yang telah ditubuhkan di Jabatan Penguatkuasa pada tahun 2020 bagi tujuan memperkasakan dan membudayakan K.I.K di peringkat Jabatan. **Pada tahun 2021**, Jabatan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Klang telah bergabung dengan Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Andalas untuk membentuk **pasukan K.I.K Hibrid. Kerjasama pintar ini dipersetujui** oleh kedua pihak kerana tugas memadam kebakaran merupakan tugas Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta tugas Skuad PANTAS, Majlis Perbandaran Klang. **(Lampiran 5)**

Demi **meningkatkan lagi kecekapan operasi pemadaman kebakaran tanah gambut**, pasukan N-Force telah membuat penambahbaikan pada produk ciptaan terdahulu melalui projek K.I.K. Ciptaan kali ini adalah merupakan **penambahbaikan pada Nozel sedia ada yang biasa digunakan kepada ‘Pro-Nozel’**. Penambahbaikan ini dilakukan bagi melancarkan lagi proses memadam kebakaran tanah gambut dengan mengalirkan air terus ke punca api yang berada di bawah permukaan tanah. Ini adalah kerana **‘Pro-Nozel’ berbentuk seperti jarum suntikan yang boleh di tanam ke dalam tanah**.

Udara bersih sangat penting di dalam menjalani kehidupan seharian manusia. **Kebakaran** yang berlaku setiap hari, di mana sahaja dan tidak mengira masa, menjadi punca **pencemaran udara**. Kebakaran yang berpanjangan seperti kebakaran hutan, kebakaran tanah gambut dan kebakaran tapak pelupusan sampah menjurus kepada berlakunya **FENOMENA JEREBU**.

Projek Pasukan N-Force kali ini amatlah **berpotensi untuk diketengahkan** sebagai satu projek yang memberi impak dan manfaat secara menyeluruh terhadap kehidupan manusia, sekali gus memberi kesan yang positif terhadap ekonomi negara. Punca fenomena jerebu perlu ditangani lebih awal dengan tindakan yang lebih pro-aktif.

Buku laporan ini mengandungi data, analisa, dan kajian yang telah dijalankan oleh ahli pasukan demi memastikan produk ini benar-benar layak untuk mendapat pengiktirafan pihak pengurusan dan pihak penilaian.

Udara bersih, rakyat sihat, negara sejahtera bakal **menjadikan Malaysia** sebagai sebuah negara yang **disegani di mata dunia**. Projek ini meminimumkan pencemaran udara dengan memadam kebakaran tanah gambut cara “Water Spreading” menggunakan Pro-Nozel bagi menggantikan kaedah ‘Total Flooding’

1.0 SIGNIFIKAN PROJEK DAN PEMBUKTIAN

1.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN

Projek ini berkaitan secara langsung dengan arahan Kerajaan Negeri melalui **Mesyuarat MMKN Bil.27/2008 bertarikh 10 September 2008. (Lampiran 6)**. Unit Pemantau Kebakaran Terbuka Majlis Perbandaran Klang telah ditubuhkan secara rasminya pada bulan Oktober 2008 iaitu Skuad Pantas, Jabatan Penguatkuasa. Tujuan penubuhan unit tersebut adalah untuk memantau dan mencegah aktiviti kebakaran terbuka yang berlaku di kawasan **Revolusi Hijau Johan Setia. (Lampiran 7)**.


Fungsi dan peranan SKUAD PANTAS sebagai **'first responder'** dalam memberi bantuan kecemasan dan bantuan bencana di kawasan pentadbiran PBT masing-masing seperti Banjir, Tanah Runtuh, Runtuhan Bangunan, Ribut, Pokok Tumbang, Kemalangan dan Kebakaran. Hal Ini juga selaras dengan fungsi dan peranan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Jabatan Penguatkuasa telah meletakkan pemantauan kebakaran Johan Setia sebagai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) untuk Unit PANTAS memastikan kebakaran di Johan Setia sentiasa dipantau. (Lampiran 8).

Merujuk kepada Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Unit PANTAS. Berikut adalah Statistik pemantauan aktiviti kebakaran terbuka di kampung johan setia bagi tahun 2020:-

Statistik Tahun 2020

Bulan /Jenis kebakaran	Januari	Februari	Mac	April	Mei	Jun	Julai	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
TANAH GAMBUT	2	10	19	0	0	4	0	24	1	2	0	0	62
SAMPAH KEBUN	0	1	2	0	0	1	0	5	3	1	0	0	13
SEMAK / SAMUN	1	4	3	1	0	1	1	3	2	1	0	0	17
HUTAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SAMPAH/ DOMESTIK	0	0	0	0	0	0	0	3	0	3	0	0	6
SIASAT	0	1	0	0	0	5	0	1	3	5	0	0	15
PADAM	1	3	0	1	0	1	1	6	3	3	0	0	19



Merujuk kepada Statistik Pemantauan aktiviti Kebakaran Terbuka di Kampung Johan Setia bagi tahun 2020 menunjukkan kebakaran yang paling tinggi berlaku adalah Tanah Gambut sebanyak 62 kali dalam masa 1 tahun.



1.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH “STAKEHOLDER”

Produk ‘Pro-Nozel’ yang dihasilkan **bertepatan dengan Plan Strategik Majlis Perbandaran Klang iaitu Memperkemaskan dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan. (Lampiran 9)** dengan mempercepatkan aktiviti pemadaman kebakaran terutama di tanah gambut. Produk ‘Pro-Nozel’ juga sejajar dengan **Piagam Pelanggan Jabatan Penguatkuasa (Lampiran 10)** iaitu memastikan setiap aduan yang diterima, siasatan dijalankan dalam tempoh 48 jam hari bekerja. Hal ini kerana, dengan menggunakan ‘Pro-Nozel’ dapat mempercepatkan operasi pemadaman kebakaran tanah gambut dan menjurus kepada peningkatan mutu kesihatan dengan mengurangkan fenomena jerebu yang teruk malah dapat menstabilkan alam sekitar. ‘Pro-Nozel’ juga dapat **mencapai misi Jabatan Penguatkuasa** iaitu melaksanakan tindakan yang efektif dan efisien bagi warga Klang Bandar Diraja melalui pembudayaan yang cemerlang. (Lampiran 11).

1.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

Agenda dan matlamat **Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) sejajar dengan Projek K.I.K** kami kali ini. DASN telah diwujudkan untuk meneruskan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya serta peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia menerusi kesejahteraan alam sekitar dan pembangunan lestari. Tujuan DASN adalah untuk mencapai;

- (1) Alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bagi generasi masa kini dan masa hadapan,
- (2) Pemuliharaan kebudayaan dan warisan semulajadi yang unik dan pelbagai dengan penyertaan berkesan semua sektor masyarakat, dan
- (3) Cara hidup, pola penggunaan dan pengeluaran yang lestari.

Terdapat lapan **(8) prinsip** di bawah DASN untuk mengharmonikan matlamat pembangunan ekonomi dengan kepentingan alam sekitar iaitu:

1. Pengawasan Alam Sekitar
2. Pemuliharaan Ketahanan dan kepelbagaian Alam
3. Peningkatan Berterusan Kualiti Alam Sekitar
4. Penggunaan Mapan Sumber-Sumber Asli
5. Membuat Keputusan Bersepadu
6. Peranan Sektor Swasta
7. Komitment dan Kebertanggungjawaban
8. Penyertaan Aktif dalam Masyarakat Antarabangsa

DASN bertujuan mengintegrasikan pertimbangan alam sekitar ke dalam aktiviti pembangunan dan proses membuat keputusan yang berkaitan, memupuk pertumbuhan ekonomi serta kemajuan manusia jangka panjang, untuk melindungi dan memperbaiki alam sekitar. Ia melengkapi dan menambah dimensi alam sekitar yang terkandung dalam dasar kebangsaan yang lain, seperti dasar perhutanan dan perindustrian dan juga mengambil perhatian akan konvensyen antarabangsa mengenai kepentingan sejagat.

(Rujukan : <https://www.doe.gov.my/dasar-alam-sekitar-negara/>)



1.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Kebakaran tanah gambut di dalam ekosistem tropika merupakan masalah alam sekitar yang utama di Malaysia mahupun Asia Tenggara. Kejadian kebakaran tanah gambut didapati sering berlaku setiap tahun khususnya pada musim kemarau. Pembakaran biojisim tanah gambut menghasilkan habuk, abu, debu dan asap merentasi sempadan.

Keadaan ini dilihat serius kerana jika tidak ditangani ianya boleh memberi implikasi buruk ke atas masyarakat dan persekitaran. Akibat daripada kebakaran tersebut, kawasan berhampiran akan mengalami jerebu dan secara langsung menjejaskan kualiti udara sekitar. Keadaan berjerebu akibat daripada kebakaran tanah gambut pada tahap yang serius dengan bacaan IPU boleh mencecah pada tahap tidak sihat, boleh memudaratkan kesihatan awam dan ianya akan lebih serius sekiranya keadaan berjerebu ini berlarutan dalam jangka masa panjang. (**Lampiran 12 – Jerebu Dan Kesannya Kepada Kesihatan**).

Keadaan berjerebu akan mempengaruhi aktiviti masyarakat termasuk perniagaan dan ekonomi. Semua aktiviti terganggu dan memberi impak negatif terhadap perkembangan ekonomi.

1.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

Pasukan N-Force telah menyenaraikan 3 Langkah untuk Pemilihan Projek Dan kaedah Analisis yang digunakan semasa projek dijalankan. Berikut adalah langkah-langkah yang telah disenaraikan: -

LANGKAH	KAEDAH	TUJUAN	LAMPIRAN
LANGKAH 1	P.D.C.A	Pasukan memulakan perancangan projek K.I.K dengan merujuk kepada PDCA dimana kami merancang, buat, semak dan melaksanakan projek.	Lampiran 13
LANGKAH 2	Brainstorming	Senaraikan 6 masalah yang dihadapi oleh Jabatan Penguatkuasa (Sesi Perjumpaan kumpulan N-FORCE)	Lampiran 14
LANGKAH 3	SMART	Guna SMART Analisis dan pasukan telah memilih “Kesukaran Memadam Kebakaran Tanah Gambut”	Lampiran 15
LANGKAH 4	5 W 1 H	Mempertimbangkan pelbagai aspek	Lampiran 16

1.6 PENYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

Sasaran outcome projek Pro-Nozel adalah untuk memudahkan kerja anggota penguatkuasa semasa memadam kebakaran Tanah Gambut. Dari segi fizikal dan tenaga, sebelum ini anggota perlu memegang Nozel sehingga pemadaman kebakaran selesai. Manakala selepas menggunakan Pro-Nozel, anggota hanya perlu tanam, pasang, tinggal dan pantau Pro-Nozel sehingga selesai pemadaman kebakaran. Impak Pro-Nozel boleh menghindarkan anggota penguatkuasa dari ketegangan otot, terseliuh dan sakit pinggang akibat daripada memegang nozel terlalu lama. (**Lampiran 17**).

2.0 TINDAKAN PENYELESAIAN

2.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN

“TOOLS”

Strategi penyelesaian Pasukan N-FORCE adalah melalui kaedah **P.D.C.A** iaitu melalui **PLAN**. Pasukan melaksanakan perancangan teliti untuk menyelesaikan masalah yang dipilih (**Lampiran 13**). Pasukan N-FORCE juga menggunakan **Rajah Ishikawa** bagi mengenal pasti punca yang paling hampir. Punca yang telah dikenalpasti bagi kategori **KAEDAH** adalah semburan air yang hanya tertumpu pada permukaan dan perlu menggunakan tangki air. Bagi kategori **PERALATAN** adalah hos yang tidak berkualiti dan **nozel yang tidak sesuai**. Bagi kategori **PERSEKITARAN** adalah tanah tidak rata, sumber air jauh dan cuaca di lokasi. Bagi kategori **MANUSIA**, punca yang dikenalpasti adalah kekurangan anggota dan kecederaan (**Lampiran 18**). Pasukan N-FORCE juga telah menggunakan kaedah **5W1H** iaitu *What, Who, Where, When, Why dan How* untuk mempertimbangkan pelbagai aspek bagi mengumpul data maklumat. Masalah yang dipilih melibatkan Agensi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Andalas

Pasukan N-Force menggunakan Kaedah ‘**Design Thinking**’ untuk tindakan penyelesaian masalah. **E- Empathize, D-Define, I- Ideate, P-Prototype dan T-Test**. (**Lampiran 19**).

E - Empathize – Ahli Pasukan mendalami dan mengalami sendiri masalah semasa

pemadaman kebakaran Tanah Gambut

D - Define – Menghuraikan punca masalah sebenar dengan menggunakan ‘**Rajah Ishikawa**’

I - Ideate – Mencari idea melalui formula ‘**Six Thinking Hat**’.



NEGATIF (HITAM)

KREATIF (HIJAU)

PROSES (BIRU)

OBJEKTIF / FAKTA ([REDACTED])

POSITIF (KUNING)

EMOSI / PERASAAN (MERAH)

NEGATIF (HITAM)

- Nozel sediaada yang digunakan tidak efisien.
- Menerima kritikan
- Mengambil masa yang lama semasa pemadaman dijalankan.

KREATIF (HIJAU)

- Melaksanakan cara baru bagi mempercepatkan proses kerja
- Alat yang dicipta dapat mengurangkan tenaga kerja dan menjimatkan masa.

PROSES (BIRU)

- Dapat mempercepatkan proses pemadaman kebakaran tanah gambut.
- . Proses kerja lebih pritikal, proaktif dan profesional.

OBJEKTIF / FAKTA (

- Dapat mengurangkan perebakan kebakaran
- Mempercepatkan proses kerja memadam kebakaran.

POSITIF (KUNING)

- Mencari penyelesaian dengan menggunakan alternatif “**PRO-NOZEL**”
- Menjimatkan masa dan tenaga kerja.

EMOSI / PERASAAN (MERAH)

- Penduduk kejiranan akan berpuas hati apabila aduan dapat diselesaikan.
- Bagi pemilik tanah akan merasa tidak berpuashati.
- Anggota merasa beban kerja berkurangan.

Pasukan N-Force juga mendapatkan idea melalui Formula SCAMPER iaitu **A** – Adopt (Adaptasi) :- Pasukan mengadaptasi penggunaan jarum suntikan



Jarum -Suntik ubat ke dalam tubuh badan pesakit

Pro-Nozel - suntik dan sebar air ke Dalam Tanah Gambut

P - Prototype – Merekacipta prototaip dengan menzahirkan idea melalui lakaran rekabentuk


T - Test – Menjalankan *Ujicuba* pada prototaip dan *Ujicuba 2* dilaksanakan pada produk

2.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP



Melalui **Design Thinking**, pasukan merekacipta '**prototaip**' nozel. Nozel biasa tidak sesuai memadam kebakaran di Tanah Gambut. Berikut adalah Nozel biasa yang selalu dipakai semasa memadam kebakaran: -



Proses pembikinan prototaip



Bahan Penghasilan Prototaip: -

BIL	PERKARA	GAMBAR	PROTOTAIP
1	<i>Coupling Male</i>		
2	<i>Aluminium Round Tube</i>		
3	<i>Aluminium Bar</i>		


*Kos untuk menghasilkan prototaip tersebut adalah RM 350 sahaja.

Melalui **Design Thinking – ‘TEST’**, pasukan telah **menguji** prototaip untuk melihat sendiri keberkesanan produk.

Pengujian Prototaip di Balai Bomba Andalas: -



Pengujian Prototaip di lapangan: -



Pasukan N-Force mendapati ada kekurangan pada prototaip tersebut. Saluran Hos air terlipat di kepala nozel sehingga gagal memberi tekanan maksima. Prototaip ini menyebabkan air tersekat sewaktu aliran dari tangki ke nozel yang telah dicucuk ke dalam tanah.

2.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / PIHAK BERKUASA

Produk 'Pro-Nozel' mendapat perakuan daripada pihak Bomba dan Penyelamat Kapar dan Balai Bomba Kota Raja (**Lampiran 20**).

2.4 PELAKSANAAN INOVASI


Pelaksanaan Inovasi berlaku hasil daripada 'brainstorming' ahli pasukan N-FORCE bagi mengatasi masalah pada prototaip. Perubahan Nozel biasa kepada 'Pro-Nozel' sangat berbeza dari segi bentuk fizikal dan saiz nozel. Saiz 'Pro-Nozel' berukuran **127 cm panjang dan 4cm lebar**. 'Pro-Nozel' perlu direka 127 cm panjang untuk mencapai sasaran kebakaran di dalam tanah. 'Pro-Nozel' juga direka 4 cm lebar sahaja supaya dapat memberikan tekanan dan pancuran air yang maksima.

Pasukan N-Force membuat penambahbaikan pada Prototaip bagi memudahkan lagi kerja-kerja pemadaman kebakaran tanah gambut. Semasa pemerhatian dan penelitian, pasukan mendapat idea (**Design Thinking – IDEATE**) untuk membengkokkan bahagian hujung alumunium bar yang **membentuk lengkongan seperti Huruf L**. Dengan itu terhasil lah produk **Pro-Nozel**.

Pengujian 'Pro-Nozel' di lapangan: -



LAKARAN PENGGUNAAN PRO NOZZEL



“INOVATION INSPIRED BY NATURE”

2.5 PERBEZAAN ANTARA NOZEL BIASA DAN ‘PRO-NOZEL’ (Lampiran 21).

PERKARA	NOZEL BIASA	PRO-NOZEL
Berat (Kg)	0.8 Kg	2.3 Kg
Cara Penggunaan	Pegang sepanjang masa	Benam, pasang, dan tinggal
Bentuk	Teleskop	Jarum
Tekanan dan kapasiti Air	10 Bar Had pengeluaran Air 1000 Liter per minit	5 Bar Had Pengeluaran Air 500 Liter per minit

3.0 KEBERHASILAN PROJEK

3.1 “OUTCOME” PROJEK

3.1.1 PENCAPAIAN “OUTCOME” DAN PEMBUKTIAN

Setelah membuat Pengujian penggunaan ‘Pro-Nozel’, pasukan N-FORCE percaya peralatan ini dapat membantu menyelesaikan masalah kesukaran memadam kebakaran tanah gambut dalam masa yang singkat berbanding menggunakan nozel sedia ada. ‘Pro-Nozel’ dapat digunakan memadam api di bawah aras permukaan tanah pada kedalaman **4.2 kaki**. Penggunaan ‘Pro-Nozel’ mampu mengurangkan tenaga kerja di mana ia boleh dikendalikan seorang ataupun dua orang sahaja. Dengan ini kos operasi dan juga tenaga manusia dapat dikurangkan. Tambahan pula, penggunaan air dapat dijimatkan kerana masa operasi memadamkan kebakaran tidak lama hanya 2 hari bergantung kepada keluasan tanah yang terjejas. Faedah **projek** ini adalah **memudahkan kerja- kerja pemadaman, menjimatkan masa operasi, mengurangkan tenaga kerja, menjimatkan kos operasi dan menjimatkan penggunaan air.**


Berikut merupakan perbezaan selepas penggunaan Nozel biasa dengan Pro-Nozel:-

PERKARA / PERALATAN	SEBELUM NOZEL BIASA	SELEPAS PRO-NOZEL
MASA MEMADAMKAN KEBAKARAN BAGI KELUASAN 5 EKAR	4 Hari	2 Hari
TENAGA KERJA	8 Anggota	4 Anggota

Perbezaan yang dikenalpasti selepas penggunaan 'Pro-Nozel', pasukan mendapati tempoh masa memadamkan kebakaran dapat dikurangkan dari 4 hari kepada 2 hari sahaja. Manakala dari segi penggunaan tenaga kerja, hanya 4 orang kakitangan sahaja diperlukan sepanjang tempoh 2 hari pemadaman kebakaran tanah gambut.

Statistik Tahun 2021

Bulan / Jenis kebakaran	Januari	Feb	Mac	April	Mei	Jun	Julai	OGOS	SEPT	OKT	NOV	DIS	JUMLAH
TANAH GAMBUT	0	16	0	0	0	2	5	1	0	0	0	0	24
SAMPAH KEBUN	1	3	0	0	0	1	0	1	0	2	0	0	8
SEMAK / SAMUN	0	0	1	0	0	0	0	0	0	1	0	0	2
HUTAN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
SAMPAH/ DOMESTIK	0	0	0	0	0	0	3	0	0	0	0	0	3
SIASAT	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	0	2
PADAM	0	4	0	0	0	0	4	0	0	0	0	0	8



Merujuk kepada Statistik Pemantauan aktiviti Kebakaran Terbuka di Kampung Johan Setia bagi tahun 2021 menunjukkan **Pengurangan kebakaran Tanah Gambut** berbanding pada tahun 2020.



3.1.2 FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)

i. Penjimatan kos operasi memadam kebakaran Tanah Gambut berkeluasan 5 ekar.

PERKARA / PERALATAN	SEBELUM (NOZEL BIASA)	SELEPAS PRO-NOZEL
MASA MEMADAMKAN KEBAKARAN BAGI KELUASAN 5 EKAR	4 Hari	2 Hari
TENAGA KERJA	8 Anggota	4 Anggota

Bil	Elemen	SEBELUM - Nozel Biasa	SELEPAS - Pro-Nozel
1.	Elaun Emolumen Pekerja	8 anggota x RM192.00 x 4 hari = RM6,144.00	4 anggota x RM192.00 x 2 hari = RM1,536.00
	Jumlah Penjimatan	RM4,608.00	
2.	Kos Makan	8 anggota x RM 20.00 x 4 hari = RM 640.00	4 anggota x RM 20.00 x 2 hari = RM 160.00
	Jumlah Penjimatan	RM 480.00	
3.	Sewaan Excavator	RM 3,200.00 x 4 hari = RM 12,800.00	Tiada
	Jumlah Penjimatan	RM 12,800.00	

Formula pengiraan: -

- Kekuatan anggota kira 1 jam RM 16 x 12 jam kerja
- Kos makan RM 20.00 sehari x anggota bertugas
- Sewaan Excavator sehari RM 3200 per hari x berapa hari diguna

ii. Penjimatan minyak petrol mesin pump

PERKARA / PERALATAN	SEBELUM (NOZEL BIASA)	SELEPAS PRO-NOZEL
MASA MEMADAMKAN KEBAKARAN BAGI KELUASAN 5 EKAR	4 Hari	2 Hari
TENAGA KERJA	8 Anggota	4 Anggota

Bil	Elemen	SEBELUM - Nozel Biasa	SELEPAS - Pro-Nozel
1.	Minyak Petrol	RM 44.00 x 4 hari = RM 176	RM 44.00 x 2 hari = RM 88.00
	Jumlah Penjimatan	RM 88.00	

Formula pengiraan: - Minyak petrol 20 liter sehari X harga semasa petrol RM 2.20 = RM44.00.

iii. Penjimatan air.

Pam Godiva Model GP 10/10	- Keupayaan pengeluaran air 1000 Liter pada tekanan 10 bar. - Keupayaan pengeluaran air 500 Liter pada tekanan 5 bar.
Jentera Bomba	Simpanan air dalam tangki jentera Bomba adalah 3600 Liter.

Semasa menggunakan Nozel biasa, pam bertekanan 10 bar had pengeluaran air 1000 Liter per minit untuk memadam dan membanjirkan Tanah Gambut yang terbakar seluas 10 x 10 kaki persegi. Jika memadam kebakaran tanah gambut tersebut mengambil masa 5 minit maka pengeluaran air adalah sebanyak 5000 Liter. Ini boleh menyebabkan simpanan air dalam tangki Jentera Bomba habis.

Manakala apabila menggunakan 'Pro-Nozel', pam bertekanan 5 bar had pengeluaran 500 Liter perminit untuk memadam dan membanjirkan Tanah Gambut yang terbakar pada keluasan yang sama. Jika memadam kebakaran tanah gambut tersebut juga mengambil masa 5 minit maka pengeluaran air adalah sebanyak 2500 Liter. Perkara ini menunjukkan penjimatan air sebanyak **2500 Liter**. 1100 Liter air masih berbaki dalam tangki jentera Bomba.

Gambar menunjukkan jumlah isipadu air dalam tangki jentera bomba



Formula Keupayaan Pam

3.7.2 Model Dan Keupayaan Pam

i. Pam Godiva Model GP 10/10

Keupayaan pengeluaran air - 1000 l/m pada tekanan 10 bar (suction lift 3 meter).



DATA PERFORMANCE	GP 10/10	TEKANAN PAM
MAKSIMA OUTPUT	1300 lpm	10 bar
KADAR OUTPUT	1000 lpm	10 bar
KELUARAN MAKSIMA	1800 lpm	4 bar
TEKANAN MAKSIMA PAM		16 bar
KELAJUAN MAKSIMA PAM	6000 rpm	
MASA PRIMING HOS SEDUTAN 100 MM pada 7.2 METER	< 24 SAAT	
KAPASITI BAHAN PENYEJUK	5 LITER	
KAPASITI MINYAK INJIN	3 LITER	
KANDUNGAN TANGKI PETROL	14 LITER	60 MINIT pada KADAR OUTPUT
BERAT	120 KG.	
INJIN	2 SILINDER 4 LEJANG	



iv. Keberkesanan proses pemadaman bagi keluasan yang besar.

Proses memadam kebakaran Tanah Gambut jika pam bertekanan 5 bar menghasilkan pengeluaran air 500 Liter per minit bagi keluasan 10 x 10 kaki persegi maka 'Pro-Nozel' akan mampu memadamkan kebakaran Tanah Gambut bagi keluasan 30 x 30 kaki persegi dalam masa 5 minit jika menggunakan 3 unit 'Pro-Nozel' secara serentak'. Pembuktian melalui operasi pemadaman yang telah dilaksanakan pada 24 Mac 2022 pada jam 12.20 tengahari di Plot, 81 dan 82 Program Pemutihan Pertanian berkelompok Jalan Sempadan, Johan Setia. **(Sila Rujuk Lampiran 22 – Laporan Tugas)**

v. Keselamatan anggota semasa kebakaran terjamin.

Sebelum ini, semasa memadam kebakaran, anggota berada di atas permukaan tanah gambut. Hal ini boleh membahayakan anggota yang memadam kebakaran kerana kebakaran tersebut berada di bawah permukaan tanah gambut. Selepas menggunakan 'Pro-Nozel', anggota yang memadam kebakaran hanya perlu benamkan 'Pro-Nozel' ke dalam tanah gambut dan memantau dari jauh untuk memastikan 'Pro-Nozel' beroperasi dengan lancar.

3.2 IMPAK PROJEK DAN PEMBUKTIAN

3.2.1 PENILAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN

i. Kepuasan Anggota yang menggunakan 'Pro-Nozel'.

Anggota Unit Pantas dan anggota Bomba dan Penyelamat memberikan maklumbalas yang sangat baik dan amat berpuas hati selepas menggunakan 'Pro-Nozel'. Ini adalah kerana, apabila menggunakan 'Pro-Nozel', ianya dapat meringankan beban anggota dari segi tenaga fizikal dan masa bekerja. Perkara ini menjurus kepada peningkatan produktiviti. Kakitangan penguatkuasa boleh dijadualkan untuk melaksanakan tugas lain. Lain-lain impak dinyatakan di **(Lampiran 23)**.

“KITA TAK BOLEH JANGKA SESUATU YANG BERLAINAN SEKIRANYA KITA MASIH GUNA PERKARA YANG SAMA”

ii. Penilaian ahli pasukan dilaksanakan dan ini dapat dizahirkan melalui Carta Radar.

(Lampiran 24).

iii. Kepuasan Pegawai yang memantau anggota.

Pegawai pemantau bertanggungjawab menjaga dan memastikan keselamatan anggota memberikan maklumbalas yang sangat baik dan amat berpuas hati kerana tidak perlu risau akan keselamatan anak buah selepas menggunakan 'Pro-Nozel'.

iv. Pencemaran alam sekitar dapat diminumkan.

Hal ini boleh dibuktikan dengan melihat kepada Indeks Pencemaran Udara Terkini (IPU) di Johan Setia. **(Rujukan : http://apims.doe.gov.my/public_v2/api_table.html)**



3.2.2 FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)

i. Imej Majlis Perbandaran Klang

Produk 'Pro-Nozel' ini boleh mengharumkan imej Majlis Perbandaran Klang kerana dapat mengurangkan pencemaran udara dan menjaga kebersihan kawasan Majlis. Ia juga dapat menyelesaikan aduan kebakaran dengan cepat justeru dapat menyelesaikan isu pembakaran di tanah gambut dengan lebih cekap.

ii. Sumbangan Projek kepada agensi luar

Dapat menjalinkan kerjasama dengan agensi luar seperti Bomba dan Penyelamat Malaysia, Unit Pengurusan Bencana Negeri (UPBN) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam memantau pencemaran udara supaya tidak tercemar.

iii. Sumbangan Projek kepada Negara.

- a) Memperlihatkan kecekapan dan kecemerlangan organisasi kerajaan.
- b) Menerima seruan dasar-dasar kerajaan ke arah peningkatan perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif.
- c) Memupuk semangat berdaya saing, kreatif dan inovatif.

iv. Pengiktirafan dari Balai Bomba dan Penyelamat Andalas

Produk 'Pro-Nozel' diiktiraf oleh Balai Bomba dan Penyelamat Andalas kerana produk ini dapat membantu mereka untuk tugas pemadaman kebakaran tanah gambut. Hasil daripada kerjasama pintar Unit PANTAS dengan Bomba dan Penyelamat Andalas, kebakaran akan dapat diatasi dengan mudah dan cepat. Satu unit Pro-Nozel diserahkan kepada Balai Bomba Dan Penyelamat Andalas.

v. Melalui Formula **SCAMPER**, pasukan menilai **IMPAK** daripada produk 'Pro-Nozel'

S – Substitute (Ganti) :- Kami menggantikan Nozel biasa kepada 'Pro-Nozel'

C – Combine (Kombinasi) :- Pasukan kami adalah kombinasi PANTAS dan BOMBA

A – Adopt (Adaptasi) :- Pasukan mengadaptasi penggunaan jarum suntikan

M – Maximize or Minimize (Maksima atau Minima) :- Pasukan meminimalkan penggunaan tenaga kerja dan penggunaan air tangki

P – Put To Other Use (Kegunaan Lain) :- Pasukan mengenalpasti Pro-Nozel boleh digunakan untuk memadam kebakaran sampah longgok, digunakan untuk menyiram pokok dan menggantikan hos paip semasa membasuh kenderaan.

(**Lampiran 25**).

E – Eliminate (Hapuskan) : Pasukan menghapuskan kebakaran tanah gambut

R – Reverse (Alih Arah) : -Tidak berkaitan-

4.0 POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

4.1 TAHAP KETERSEDIAAN PROSES

i. Manual tindakan memadam kebakaran menggunakan 'Pro-Nozzel'. (**Lampiran 26**).

Menerima arahan memadam kebakaran tanah gambut. →	Taklimat tugas kepada anggota. →	Menyediakan peralatan →	Pergi ke lokasi kebakaran. →	Kenalpasti keadaan kebakaran dan keluasan kawasan kebakaran. →	Menentukan peralatan yang akan digunakan untuk tindakan pemadaman. (Water Pump, Fire Hose dan Pro nozzel) dalam keadaan baik dan sedia untuk di gunakan. ↓
Selesai tugas ←	Pemantau n susulan ke lokasi kebakaran. ←	Sediakan laporan operasi operasi pemadaman. ←	Menjalankan operasi memadam kebakaran sama ada menggunakan teknik "Fire break" atau "total flooding" ←	Memastikan keselamatan anggota dan peralatan semasa tindakan pemadaman dijalankan. ←	Mengenalpasti lokasi penempatan "Pro nozel" bagi tindakan pemadaman

ii. Prosedur

Selepas selesai tugas, anggota akan membuat laporan bergambar melalui aplikasi whatsapp dan secara bertulis untuk difailkan pada setiap bulan sehingga hujung tahun.

4.2 TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN

Pada bulan Mac 2022, pasukan N-FORCE telah menghantar borang permohonan kepada *Intellectual Property Corporation of Malaysia* (MyIPO) untuk mendapatkan **HAK CIPTA TERPELIHARA** bagi kertas kerja projek 'Pro-Nozel'. (**Lampiran 27**).



KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF N-FORCE

Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) beralamat di Menara UOA Bangsar, Jalan Bangsar Utama 1, Bangsar, 59000 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. **(Rujukan lampiran Salinan resit MyIPO)**

5.0 PENGHARGAAN

5.1 PENGHARGAAN DARIPADA TIMBALAN PENGARAH PENGUATKUASA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh &

Selamat Sejahtera

Alhamdulillah, marilah kita bersama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Jabatan Penguatkuasa serta Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Balai Bomba Andalas) dapat menyertai Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor (MPIPANS) Tahun 2022.

Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif atau KIK ini dapat mewujudkan budaya kerja yang mantap, berinovasi, kreatif dan berpandangan jauh bagi meningkatkan kualiti kerja dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan di kalangan warga kerja Jabatan Penguatkuasa serta mengeratkan hubungan kerjasama agensi yang berbeza. Beberapa pembaharuan dan penambahbaikan telah dirintis oleh Pasukan N-Force bagi memberi nafas baharu kepada pelaksanaan KIK sedia ada untuk merealisasikan projek yang membawa impak yang berskala besar dan lebih signifikan.

Saya selaku Penaung Kumpulan Inovatif dan Kreatif berasa bangga dengan prestasi yang telah ditunjukkan dalam merealisasikan projek secara hibrid pada kali ini dan berharap ianya akan membuahkan kejayaan sehingga ke peringkat lebih tinggi. Ini sekaligus meningkatkan imej Majlis Perbandaran Klang serta Jabatan Bomba dan Penyelamat secara khususnya.

KITA SELANGOR: NEGERI TAHAN UJI, MENGANGKAT MARTABAT INSANI

SHAHRUL HAZRI BIN ABD MAJID
Timbalan Pengarah Penguatkuasa
Majlis Perbandaran Klang



A portrait of a man in a police uniform, likely a detective or sergeant, with a serious expression. He is wearing a dark uniform with a badge and patches. The background is a solid blue color.

Selamat Maju Jaya

A. RUMZI BIN ABU
Ketua Balat
Balai Bomba dan Penyelamat Unda



6.0 RUJUKAN

